

Sukan Grand Prix Olahraga MASUM 2010

Oleh ; Mohd Hafeez Nordin



Pada 26hb hingga 28hb Februari 2010, Kejohanan Olahraga MASUM 2010 telah diadakan dengan penuh meriah di Univerisiti Putra Malaysia (UPM). Pengenalan 2 elemen baru pada kejohanan kali ini memberi wajah baru kepada olahraga MASUM iaitu buat pertama kalinya acara diadakan pada waktu malam dan pengambilan masa dengan kaedah elektronik. Pasukan UniMAP telah disertai oleh 36 orang atlet olahraga dengan kekuatan 24 atlet lelaki dan 12 atlet wanita dan telah berjaya membawa pulang 2 pingat iaitu pingat perak dari saudara Pubalan A/L Nadaraja dalam acara 10KM Jalan Kaki dan pingat gangsa dari saudara Theban Raj A/L Arumugam dalam

acara 5000m (memperbaharui rekod lama MASUM). Seramai 23 atlet baru telah menyertai kejohanan ini. Pada kejohanan kali ini atlet-atlet UniMAP telah berjaya melayakkan diri ke Peringkat Akhir dan ini merupakan satu pencapaian yang membanggakan kerana tahun-tahun sebelum ini UniMAP begitu sukar untuk layak ke akhir. Turut beraksi di Peringkat Akhir ialah pemenang-pemenang Sukan Sea, AUG 2008, SUKMA dan MSSM.

"SYABAS & TAHNIAH"

